


3766/1
Perniagaan
Kertas 1
Okttober
2020
1 ¼ Jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2020

PERNIAGAAN

KERTAS 1

Satu Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan tujuan perniagaan kepada peniaga?
 - A. Menjual barang dan perkhidmatan untuk mendapat keuntungan.
 - B. Mewujudkan faedah kepada pihak pengguna.
 - C. Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna.
 - D. Melakukan pengeluaran barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan.
2. Perniagaan manakah yang merupakan milikan tunggal?
 - A. Restoran Sivagangga Bersaudara
 - B. Koperasi Kg Pisang
 - C. Kedai Runcit Lakba
 - D. Syarikat JKD Sendirian Berhad
3. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan

Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada ahli lembaga pengarah.

- Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri
- A. Syarikat Sendirian Berhad
 - B. Perkongsian
 - C. Syarikat awam berhad
 - D. Syarikat jaminan berhad
4. Maklumat di bawah menunjukkan suatu sektor perniagaan



- Mengekstrak sumber semula jadi.
➤ Mengeluarkan bahan mentah untuk kegunaan sektor kedua.

- Apakah sektor X?
- A. Sektor ketiga
 - B. Sektor kedua
 - C. Sektor utama
 - D. Sektor mikro

5. Maklumat di bawah berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Syarikat Petroleum Rapid menjalankan aktiviti perlombongan petroleum di Pengerang, Johor. Syarikat tersebut mempunyai 1000 orang pekerja.

Antara yang berikut yang manakah menerangkan klasifikasi perniagan Syarikat Petroleum Rapid?

	Saiz perniagaan	Sektor perniagaan
A.	Kecil	Sektor utama
B.	Sederhana	Sektor kedua
C.	Besar	Sektor utama
D.	Besar	Sektor ketiga

6. Maklumat di bawah menunjukkan situasi yang berlaku di sesebuah negara.

Keadaan ekonomi dan politik di Negara X tidak menentu dan berlaku perubahan peraturan serta teknologi berikutan berlakunya penyakit jangkitan Virus Pandemik Covic-19.


Apakah cabaran yang dihadapi oleh perniagaan bersaiz besar di negara tersebut?

- A. Keuntungan tahunan
 - B. Ketidakpastian pasaran
 - C. Masalah aliran tunai
 - D. Pengambilan pekerja
7. Pada peringkat serantau, apakah peranan kerajaan dari aspek ekonomi?
- A. Mengeluarkan lesen perniagaan
 - B. Menyelesaikan hal ehwal perniagaan setempat
 - C. Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - D. Menyediakan elaun eksport
8. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?
- A. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar
 - B. Guna tenaga semakin menurun
 - C. Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran
 - D. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat

9. Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu faktor luaran yang mempengaruhi perniagaan

Kerajaan telah memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar 6% pada 1 April 2020

- Apakah faktor luaran tersebut?
- Ekonomi
 - Politik dan perundangan
 - Teknologi
 - Sosiobudaya
10. Undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan boleh memberikan kesan terhadap pekerjaan. Apakah kesan tersebut?
- Menekankan kadar upah minimum
 - Mesti menaikkan gaji pekerja
 - Memanjangkan masa pekerjaan
 - Mewujudkan diskriminasi pekerjaan
11. Rajah di bawah ini berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi permintaan sesuatu produk.



Apakah X ?

- Daya Saing
- Pemasaran
- Keuntungan
- Sumber Manusia

12. Antara yang berikut, manakah yang mewakili visi, misi dan objektif (VMO) organisasi sektor organisasi berasaskan untung (OBU)?

- I. Memaksimumkan keuntungan
 - II. Menyediakan perkhidmatan sukarela
 - III. Menyediakan produk secara percuma
 - IV. Mementingkan kecekapan dalam proses pengeluaran
-
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. I dan IV

13. Syarikat Honda akan mengeluarkan sebanyak 100 000 unit kereta penumpang dan sebanyak 50 000 unit motosikal kuasa tinggi.

Apakah ciri objektif yang baik yang dipenuhi oleh Syarikat Honda tersebut?

A. Boleh diukur
B. Munasabah
C. Boleh dicapai
D. Jangka Masa

14. Antara yang berikut, manakah yang merupakan kepentingan penetapan misi organisasi?

- I. Sebagai asas untuk penentuan objektif organisasi
- II. Memudahkan pengagihan sumber organisasi secara tepat
- III. Membantu pengurusan bawahan menetapkan kuantiti pengeluaran
- IV. Membantu pihak pengurusan atasan menetapkan visi organisasi

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. I dan IV

15. Apakah langkah yang perlu diambil oleh organisasi untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam organisasi?

- A. Meningkatkan pembayaran gaji
- B. Membawa maksud teknologi baru
- C. Meningkatkan bilangan kakitangan
- D. Mengadakan latihan pembangunan

16. Mengapa perniagaan yang gagal mendapat keuntungan akan mengalami kesukaran dalam mengembangkan perniagaannya?
- Motivasi pekerja akan terjejas
 - Imej perniagaan terjejas di mata pengguna
 - Tidak dapat meningkatkan operasi perniagaan
 - Terpaksa mengurangkan harga jualan barang
17. Apakah maksud bahagian fungsian?
- Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk seluruh organisasi
 - Bahagian yang mempunyai tanggungjawab khusus untuk seluruh organisasi
 - Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk bahagian tersebut
 - Sebahagian dalam organisasi perniagaan yang mempunyai tanggungjawab khusus untuk bahagian tersebut
18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan bahagian fungsian jualan?
- | | |
|------------------------------------|---------------------------------|
| A. Mendapatkan kuantiti permintaan | C. Melaksanakan program induksi |
| B. Menyediakan bajet kewangan | D. Menrancang pengeluaran |
19. Maklumat menunjukkan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi.
- WhatsApp
 - Telegram
 - Email
- Apakah peranan aplikasi teknologi maklumat tersebut dalam fungsian sumber manusia?
- Menjimatkan masa
 - Tidak perlu melatih pekerja
 - Mengurangkan penggunaan buruh
 - Memudahkan penilaian data perniagaan
20. Pernyataan manakah menunjukkan tentang interaksi antara perniagaan kecil dengan perniagaan besar dalam bahagian fungsian jualan?
- Perniagaan besar membantu perniagaan kecil menjual produk
 - Perniagaan besar menghasilkan barang yang diingini oleh perniagaan kecil
 - Perniagaan kecil akan menghubungi perniagaan besar bagi meluaskan pasaran
 - Perniagaan kecil akan menghubungi perniagaan besar untuk mempelajari cara-cara menguruskan kewangan

21. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan pengurusan sumber manusia?
- Pembangunan tenaga kerja dalam organisasi untuk menarik, membangun dan mengekalkan tenaga pekerja yang berprestasi tinggi.
 - Merancang, menyusun, mengarah dan mengawal segala aspek pembiayaan dan perbelanjaan dalam perniagaan.
 - Pelaksanaan sesuatu tugas yang telah ditetapkan kearah mencapai sesautu visi, misi dan objektif dalam perniagaan.
 - Pembangunan produk baharu dan penambahbaikan produk sedia ada.

22. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

Pengurus menetapkan Indeks Pencapaian Utama (KPI) kumpulan untuk memastikan hasil kerja yang ditetapkan dapat dicapai.

- Apakah peranan pengurusan sumber manusia?
- Menentukan deskripsi tugas
 - Pemantapan budaya professional
 - Menggalakkan kreativiti dan inovasi
 - Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
23. Maklumat di bawah merupakan sebuah iklan jawatan kosong pembantu pengurus. Apakah kemahiran kebolehkerjaan yang perlu dimiliki untuk mendapatkan jawatan ini berdasarkan iklan tersebut?



MASHUR BISTARI SDN. BHD.
PERODUA
JAWATAN KOSONG PEMBANTU PENGURUS

<p>KELAYAKAN DAN CIRI CIRI</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Terbuka kepada lelaki dan perempuan. ❖ Kelayakan ijazah dalam bidang yang berkaitan. ❖ Berumur 35 hingga 45 tahun. ❖ Berpengalaman sekurang-kurangnya dua tahun dalam mengurus tadbir staff dan berurusan dengan pelanggan. ❖ Cepat belajar, berperwatakan menarik, berdisiplin dan tahan tekanan. 	<p>SKOP PEKERJAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Menguruskan segala operasi pentadbiran dan pusat servis. ❖ Memantau dan mengawal keseluruhan operasi selaras dengan dasar dan prosedur yang dikehendaki syarikat. ❖ Bertanggungjawab ke atas keseluruhan pengurusan aktiviti pusat servis dan menyelia untuk memastikan objektif pusat servis tercapai. ❖ Mengurus selia staf dan memantau perkembangan dan prestasi staf. ❖ Menjadi perantaraan antara staf dan majikan dan lain-lain.
--	--

- I. Kelayakan yang bersesuaian
- II. Berpengalaman
- III. Berpengetahuan tentang produk
- IV. Keberkesanannya mencapai sasaran individu dan pasukan

[Lihat Halaman Sebelah
SULIT]

- A. I dan II
- C. III dan IV
- B. II dan III
- D. I dan IV

24. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis sumber fizikal dalam sebuah perniagaan.

X – Barang siap atau barang dagangan yang sedia untuk dijual dan disimpan di stor.

Apakah itu X?

- A. Produk siap
- C. Stok
- B. Bahan mentah
- D. Kemudahan

25. Gambar berikut berkaitan dengan karya filem.



Bagaimanakah pencipta karya dapat melindungi hasil karya mereka tidak disalah guna untuk kepentingan pihak lain?

- A. Paten
- C. Cap dagangan
- B. Lesen Perisian
- D. Hak cipta terpelihara

26. Dialog berikut menunjukkan perbualan antara Encik Neo dan Encik Irfan.

Encik Neo: Saya ingin membeli jentera untuk kegunaan perniagaan untuk tempoh tertentu. Tetapi saya kekurangan modal untuk membeli jentera tersebut.

Encik Irfan: Saya cadangkan anda cuba jenis sumber pembiayaan Y. Anda boleh guna jentera tersebut dengan hanya perlu bayar sewa sahaja.

Apakah jenis sumber pembiayaan Y yang dimaksudkan oleh Encik Irfan?

- | | |
|--------------|----------------|
| A. Syer | C. Pajakan |
| B. Ar- Rahnu | D. Pemfaktoran |

27. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Pn Izzati.

Puan Izzati memulakan perniagaan trak makanan dengan mendapatkan pembiayaan daripada agensi kerajaan

Apakah kelebihan jenis pembiayaan yang dimiliki oleh Puan Izzati berbanding dengan pembiayaan luaran?

- | |
|---|
| A. Dikenakan faedah |
| B. Cepat dan ringkas |
| C. Sukar menambah modal dalam masa yang singkat |
| D. Memerlukan penjamin |

28. Situasi berikut berkaitan dengan sebuah syarikat yang memerlukan sumber pembiayaan.

Syarikat Pembinaan Berjaya memerlukan pembiayaan segera untuk membayar pembekal bahan binaan. Pada masa yang sama, syarikat juga memerlukan sebuah kren dan sebuah jentolak bagi kerja-kerja pembinaan dalam tempoh tiga bulan.

Manakah antara yang berikut merupakan jenis pembiayaan luaran yang sesuai dipilih?

- | | |
|-------------------|-----------------------|
| I Pajakan | III Simpanan peribadi |
| II Overdraft bank | IV Pemfaktoran |
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

29. Jadul di bawah menunjukkan nilai aset, liability dan ekuiti pemilik AR Bakery.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Y	RM 6, 768	RM 14, 472

Hitungkan nilai Y.

- | | |
|---------------|---------------|
| A. RM 35, 712 | C. RM 14, 472 |
| B. RM 21, 240 | D. RM 7, 704 |

30. Bagaimanakah kunci kira-kira dapat membantu usahawan membuat analisis terhadap operasi perniagaan?

- A. Mengenal pasti perolehan dan penggunaan tunai bagi suatu tempoh tertentu.
- B. Mengetahui jumlah aset dan tanggungan perniagaan
- C. Mengetahui tahap minimum jualan yang perlu diperoleh supaya tidak mengalami kerugian
- D. Mengukur kadar pulangan yang diperoleh perniagaan

31. Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Kedai Dobi Cuci Bersih

	RM
Jualan Bersih	100,000
Untung Kasar	50,000
Hasil Operasi	10,000
Belanja Operasi	20,000

Kirakan Peratusan Margin Untung Bersih Kedai Dobi Cuci Bersih?

- | | |
|---------|---------|
| A. 40 % | C. 70 % |
| B. 50 % | D. 80 % |

32. Maklumat di bawah berkaitan dengan kelebihan menjadi usahawan.

- Mempunyai kelebihan yg dapat diwarisi dari satu generasi ke generasi
 - Memupuk minat keusahawanan

Pernyataan di atas adalah kelebihan menjadi usahawan kepada.....

- A. Masyarakat
- B. Keluarga
- C. Negara
- D. Diri

33. Bakhtiar memulakan perniagaan kedai dobinya dengan menggunakan wang simpanan sendiri. Apakah kekurangan menggunakan sumber pembiayaan tersebut?

- A. Modal terhad
- B. Faedah yang tinggi
- C. Cagaran diperlukan
- D. Persaingan yang sengit

34. Bagaimanakah kerjaya dalam bidang perniagaan memberi faedah kepada matlamat peribadi seseorang usahawan?


- A. Dapat melaksanakan tanggungjawab sosial perniagaan
- B. Menyediakan pelbagai peleunag pekerjaan kepada masyarakat
- C. Dapat menghasilkan pelbagai produk yang memenuhi keperluan pengguna
- D. Memberi kebebasan mengurus kehidupan harian diri dan keluarga

35. Milikan perniagaan manakah yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- I Fizah dan Faiz Bakery
- II Aleesya Enterprise
- III Wanda Textile Sdn Bhd
- IV Wow Technology PLT

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

36. Rajah di bawah menunjukkan prosedur pendaftaran perniagaan milikan tunggal.



Pernyataan manakah yang benar tentang X?

- A. Melengkapkan borang kelulusan nama
- B. Permohonan carian nama perniagaan
- C. Mengisi Borang Pendaftaran Perniagaan (Borang A)
- D. Menyerahkan bayaran pendaftaran perniagaan

37. Apakah tanggungjawab peniaga setelah memperoleh sijil perakuan pendaftaran?
- A. Menyimpan sijil
 - B. Mempamerkan sijil
 - C. Memulakan perniagaan
 - D. Mencetak kad perniagaan
38. Apakah kepentingan menyedia dan menyimpan Memo?
- A. Sebagai catatan salah laku pekerja
 - B. Untuk merekodkan segala jenis pembayaran.
 - C. Untuk mengingatkan peniaga tentang baki stok dalam perniagaan
 - D. Untuk merekod pengeluaran barang niaga atau wang untuk kegunaan peribadi
39. Salah satu kaedah promosi adalah menyalurkan maklumat sesuatu produk dan perkhidmatan melalui media massa. Apakah kaedah tersebut?
- A. Promosi Jualan
 - B. Pengiklanan
 - C. Publisiti
 - D. Jualan langsung
40. Apakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga?
- A. Mencari pekerjaan yang baharu
 - B. Merancang keperluan sumber perniagaan
 - C. Garis panduan untuk menguruskan pekerja
 - D. Untuk membuat pelaburan di dalam perniagaan

KERTAS SOALAN TAMAT